

Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Kem Bestari Solat

ASMAWATI SUHID
LUKMAN ABDUL MUTALIB

ABSTRAK

Matlamat utama pendidikan Islam ialah pemantapan aqidah murid. Malah, Falsafah Pendidikan Islam sendiri adalah berteraskan kepada ketauhidan kepada Allah S.W.T. Justeru, usaha ke arah memantap dan memelihara aqidah murid dapat dilihat dalam kurikulum dan aktiviti kokurikulum pendidikan Islam. Antara aspek yang diberi penekanan dalam sistem pendidikan Islam ialah amalan solat dalam kalangan murid. Solat merupakan asas atau tiang agama dan mengamalkannya merupakan ketundukan dan kepatuhan seseorang muslim kepada Allah S.W.T. Pengenalan aktiviti Kem Bestari Solat menerusi Program j-QAF merupakan suatu pendekatan terkini yang berhasrat mendidik dan menggalakkan murid mengamalkan solat dalam kehidupan seharian mereka. Oleh kerana Kem Bestari Solat agak baru diperkenalkan, maka satu kajian bagi mengenal pasti keberkesanan pelaksanaannya telah dijalankan. Seramai 309 orang guru j-QAF di Selangor telah terlibat dalam kajian ini. Data kuantitatif yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan program Statistical Package For The Social Science (SPSS). Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid minat untuk mengikuti Kem Bestari Solat. Selain membincangkan dapatan kajian, penulis menghalusi permasalahan yang dihadapi dalam pelaksanaan aktiviti Kem Bestari Solat dan seterusnya beberapa cadangan turut diketengahkan.

Kata kunci: j-QAF, Kem Bestari Solat, aqidah, Pendidikan Islam

ABSTRACT

The main objective of Islamic Education is to strengthen the aqidah (beliefs) of Muslim pupils in schools. Furthermore, the Islamic Education Philosophy is formed according to oneness to Allah. Thus, the effort to strengthen and protect pupils' aqidah can be seen in the curriculum and co-curricular activities of Islamic Education. Some of the aspects being emphasized are performing the five time prayers (solat). Performing prayers (solat) is the foundation or the pillar of Islam and practicing it reflects the submission and obedience to Allah. The introduction of the Smart Prayer Camp activity through the j-QAF Programme is the latest approach aimed at educating and encouraging pupils to perform prayers in their daily lives. Since the Smart Prayer Camp was recently introduced, a study was carried out to identify the effectiveness of its implementation. A total of 309 j-QAF teachers in Selangor were involved in this research. The quantitative data gathered were analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) programme. In general, the findings have shown that these pupils were interested to participate in the Smart Prayer Camp. This paper is also meant to examine issues faced in the implementation of the Smart Prayer Camp, and thus several recommendations are presented in this paper.

Keyword: j-QAF, Smart Prayer Camp, aqidah, Islamic Education

PENDAHULUAN

Sistem Pendidikan Islam di Malaysia mengalami banyak perubahan demi mempertingkatkan dan memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Perubahan tersebut memberi implikasi kepada antara lain penambahbaikan kurikulum, pemantapan kaedah dan teknik mengajar, pengenalan program pengukuhan dan peningkatan profesionalisme guru pendidikan Islam. Secara umum, struktur organisasi kurikulum pendidikan Islam adalah berteraskan kepada kesepaduan ilmu naqli dan aqli serta keseimbangan ilmu duniawi dan ukhrawi. Justeru, pembahagian kurikulum pendidikan Islam terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu Tilawah al-Quran, Ulum Syariah serta Adab dan Akhlak Islam.

Dalam komponen Ulum Syariah terdapat mata pelajaran Ibadah yang menyentuh tajuk Solat. Pengajaran dan pembelajaran tajuk ini kebiasaannya dilakukan secara teori dan amali. Bagi menggalakkan murid menunaikan solat, maka terdapat sekolah yang menghendaki murid melakukannya secara berjemaah. Namun, terdapat murid yang enggan dan mengelak diri daripada menunaikan solat. Kajian Mohd. Abd. Halim (2000) mendapati bahawa, tahap penghayatan solat bagi murid aliran agama adalah amat memuaskan (100.0%) berbanding murid bukan aliran agama (75.0%). Manakala dapatan kajian yang dilakukan oleh Rasid et al. (1999) mendapati hanya 52.7 peratus pelajar di Institut Pengajian Tinggi mendirikan solat dengan lengkap lima waktu sehari semalam. Pelbagai langkah dan kaedah telah dilakukan oleh pihak sekolah bagi menangani masalah ini, misalnya mengambil kedatangan murid ke musollah atau surau, guru memerhati amalan murid dan mengurangkan markah penalti murid.

Amalan solat dalam kalangan murid perlu diberi perhatian serius oleh pelbagai pihak. Ini kerana kewajipan solat merupakan tanggungjawab individu muslim yang paling asas sebelum memenuhi kewajipan lain dalam rukun Islam. Sabda Rasulullah S.A.W.:

Ditegakkan Islam atas lima, pengakuan syahadah iaitu tidak ada Tuhan (yang disembah dengan sebenarnya) melainkan Allah, pengakuan bahawa Nabi Muhammad Rasulullah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan berpuasa di bulan Ramadan.

(Riwayat al-Bukhari dari Ibn Hibban)

Malah, Islam menganggap solat sebagai tiang agama yang membina teguh keimanan dan ketaqwaan dalam diri individu muslim. Sebagaimana dijelaskan dalam sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud: "Sembahyang tiang agama, barang siapa yang meninggalkannya bermakna meruntuhkan agamanya" (Riwayat Baihaqy dari Ikramah)

Pembangunan insan yang dikehendaki dalam Islam meliputi pembangunan jasmani dan rohani. Sebagaimana unsur jasmani mempunyai tuntutan dan keperluan yang perlu dipenuhi, maka begitu juga unsur rohani yang mempunyai tuntutan dan keperluan yang sesuai dengan tabiat kerohaniannya (Haron 2002). Solat merupakan keperluan asas bagi pengisian rohani yang perlu dipelihara oleh setiap muslim. Pelaksanaan solat yang ikhlas dan tawaddu' pasti memberi impak positif terhadap pembangunan insan yang seimbang dan harmonis.

Atas kesedaran ini, maka pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memperkenalkan Model Kem Bestari Solat menerusi program j-QAF bagi membendung masalah yang timbul berkaitan amalan solat

dalam kalangan murid. Aktiviti kokurikulum yang lebih berbentuk amali ini diharapkan dapat menarik minat murid untuk mengikuti dan mempelajari ibadah solat dan seterusnya diharapkan amalan solat menjadi sehati dalam diri mereka.

Program ini telah dilaksanakan pada 2005 bermula dengan murid tahun satu. Program ini berjalan untuk tempoh lima tahun, iaitu hampir satu pusingan. Justeru, bagi mengenal pasti sejauh mana keberkesanan pelaksanaan Model Kem Bestari Solat ini satu kajian perlu dilakukan. Kajian ini juga perlu untuk melihat kekuatan dan kelemahan yang ada, di samping mengenal pasti kekangan yang dihadapi sepanjang pelaksanaan program ini selama lima tahun. Justeru, kajian ini akan meneliti dan menjawab persoalan berkenaan.

KEPENTINGAN SOLAT DAN PENEKANANNYA DALAM PROGRAM j-QAF

Pendidikan Islam yang bertunjangkan ketauhidan kepada Allah S.W.T. merupakan pendidikan yang lengkap dan menyeluruh, menyeimbangkan kehidupan dunia dan akhirat dan bersifat bersepadu. Justeru, fungsi individu muslim meliputi fungsi sebagai khalifah Allah S.W.T. yang bertanggungjawab memakmurkan muka bumi ini atas dasar ketaatan dan kepatuhan sebagai hamba Allah S.W.T. Hal ini termaktub dalam Falsafah Pendidikan Islam yang menyatakan bahawa pendidikan Islam merupakan:

Satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran dan keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan akhirat.

(Semakan Kurikulum Pendidikan Islam dan B. Arab, 2003)

Begitu juga, bertepatan dengan penegasan al-Quran menerusi firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

(Surah al-Ra'd 13: 11)

Dan carilah pada apa-apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi.

(Surah al-Qasas 28: 77)

Pelaksanaan pendidikan Islam yang berdasarkan falsafah di atas bertujuan mencapai matlamat yang diharapkan, iaitu:

Menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh, beradab dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara.

Penekanan dalam bidang Ulum Syariyah, khususnya ibadah solat yang merupakan asas atau tiang agama mampu melahirkan insan muslim sebagaimana yang dihasratkan. Menurut Muhammad Munir (1999), solat merupakan satu bentuk peribadatan yang sangat berpotensi untuk membentuk peribadi seseorang. Sebagaimana firman S.W.T. yang bermaksud:

Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan keji) dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (solat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat lain).

(Surah al-Ankabut 29: 45)

Penghayatan ibadah menerusi pengetahuan dan pemahaman tentang peraturan dan disiplin ibadah hendaklah diberikan kepada murid. Justeru, objektif pengenalan Model Kem Bestari Solat secara umum adalah untuk memastikan murid-murid dapat menunaikan solat dengan sempurna dari segi bacaan, perbuatan, ilmu pengetahuan dan penghayatan. Manakala bagi murid tahun satu khususnya, objektif aktiviti Kem Bestari Solat adalah supaya (i) murid dapat berwuduk dengan sempurna, (ii) murid dapat mengetahui bilangan rakaat solat fardhu, (iii) murid dapat melaksanakan semua perbuatan serta bacaan dalam solat dengan betul dan lancar, dan (iv) murid dapat melaksanakan solat dengan sempurna, sama ada secara bersendirian atau berjemaah.

Dari segi pelaksanaannya, aspek solat ini ditekankan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Ulum Syariah dalam pendidikan Islam. Ini bermakna, guru j-QAF bersama guru pendidikan Islam akan menggunakan sebahagian daripada waktu pendidikan Islam untuk menerap dan mengukuhkan aspek solat kepada murid-murid secara mingguan (j-QAF. Buku Panduan Pelaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum, 2004). Elemen Bestari Solat yang dimasukkan dalam pengajaran adalah seperti berikut:

Jadual 1: Elemen Bestari Solat

MINGGU	TAJUK
1	Cara Berdiri dan Takbiratul Ihram
2	Niat Solat Lima Waktu
3	Bacaan Surah al-Fatihah
4	Bacaan Surah al-Fatihah
5	Bacaan Surah al-Fatihah
6	Bacaan Doa Iftitah
7	Cara Rukuk
8	Bacaan Ketika Rukuk
9	Cara Iktidal
10	Bacaan Ketika Iktidal
11	Cara Sujud
12	Bacaan Ketika Sujud
13	Cara Duduk Antara Dua Sujud
14	Bacaan Ketika Duduk Antara Dua Sujud
15	Cara Duduk Tahiyat
16	Bacaan Tahiyat

Selain amalan solat, program j-QAF turut menekankan aspek kemahiran tulisan jawi, tilawah al-Quran, bahasa Arab dan fardhu ain bagi memperkasakan pendidikan Islam. Mengikut perancangan, program j-QAF telah dilaksanakan secara rasmi di sekolah kebangsaan mulai tahun 2005 dan akan selesai satu pusingan pelaksanaannya pada tahun 2010 (Buku Panduan Kursus Pemantapan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR, 2007).

Bagi memberikan panduan yang jelas berhubung Model Kem Bestari Solat, pihak KPM membekalkan bahan kurikulum pengajaran solat ke sekolah-sekolah. Ini termasuklah Sukatan Pelajaran Kem Bestari Solat, Buku Panduan Model Pengajaran dan Pembelajaran, dan Kurikulum j-QAF.

PENDEKATAN KEM BESTARI SOLAT

Secara umum, pendekatan bermaksud cara untuk mendekati sesuatu. Dengan kata lain, pendekatan merujuk kepada cara bagaimana sesuatu mata pelajaran itu diajarkan

berdasarkan objektifnya. Menurut Ahmad (1997), pendekatan adalah mendekati sesuatu dalam bidang pendidikan dan setiap pendekatan itu hendaklah mencerminkan tentang hakikat satu matlamat pelajaran. Oleh itu, guru atau pendidik perlu merancang, menyusun dan menjalankan aktiviti yang bermakna kepada murid bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Penggunaan pendekatan yang sesuai dan berkesan dapat membantu memudahkan murid memahami isi pelajaran dan mencapai tujuan pengajaran. Sebagaimana dijelaskan oleh Omar al-Syaibani (1991:585), bahawa metod pengajaran dalam pendidikan Islam bertujuan untuk memudahkan proses pengajaran bagi pelajar dan membuatnya mencapai sebanyak mungkin tujuan yang diinginkan.

Proses pengajaran dan pembelajaran secara dua hala diutamakan dalam sistem pendidikan kini khususnya pendidikan Islam. Ini dijelaskan seperti berikut:

Pendekatan dan kaedah pengajaran perlulah berorientasikan hasil pembelajaran dengan melihat apakah yang dicapai oleh setiap murid. Murid perlu diberi peluang untuk terlibat dalam semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut keupayaan, bakat dan gaya pembelajaran masing-masing. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran juga hendaklah menggemibirkan murid-murid supaya pelajaran lebih berkesan.

(Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam 2004)

Untuk itu, maka Model Kem Bestari Solat lebih merupakan aktiviti kokurikulum bersifat akademik yang melibatkan semua murid di sekolah. Ia perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah dan pentadbir sekolah hendaklah menggerakkan pelaksanaan kem ini. Aktiviti ini dilaksanakan dalam bentuk latihan tubi di luar waktu persekolahan sama ada di dalam atau luar kawasan sekolah. Sebagai contoh, antara pengisian aktiviti Kem Bestari Solat ialah latihan mengambil wuduk, amali solat dan pelaksanaan solat berjemaah. Aktiviti berbentuk amali ini memberi kesan positif kepada pembelajaran murid sebagaimana dijelaskan oleh Ahmad (2004). Beliau menyatakan bahawa latihan amali dapat memberi murid peluang untuk berinteraksi secara terus dengan isi dan situasi pembelajaran. Mereka akan memperoleh pengalaman langsung untuk menguasai kemahiran, pengetahuan kesimpulan dan celik akal dalam unit-unit pembelajaran yang berkenaan.

Selain itu, sebagai aktiviti tambahan dan agar program Kem Bestari Solat ini lebih menarik, maka diadakan pertandingan bacaan ayat-ayat al-Quran atau doa-doa tertentu dan juga aktiviti riadah. Aktiviti-aktiviti seperti ini bertujuan mengekalkan minat murid dan mengelakkan rasa bosan ketika mengikuti program Kem Bestari Solat. Tambahan pula aktiviti seumpama ini amat bersesuaian dengan tahap murid sekolah rendah yang boleh dikatakan masih berada dalam alam kanak-kanak. Islam sendiri menekankan bahawa penyampaian ilmu dan pendidikan itu seharusnya sesuai dan menepati tahap murid. Sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud: "Kami para Nabi diperintahkan menempatkan manusia menurut tahap mereka dan berbicara kepada mereka sesuai dengan akalunya". Omar al-Syaibani (1991) turut menegaskan bahawa salah satu prinsip pendidikan dalam Islam adalah dengan memastikan proses pendidikan itu merupakan suatu proses yang menggemibirkan dan menghasilkan kesan yang baik di dalam diri murid.

Sepanjang mengikuti program Kem Bestari Solat, murid akan dinilai bagi setiap aktiviti yang dilaksanakan. Pencapaian setiap murid akan direkodkan dan keputusan penilaian dilaporkan kepada guru yang mengajar, ibu bapa, penjaga, ketua panitia, Guru Besar dan Jabatan Pelajaran Negeri. Bagi murid yang belum mencapai objektif yang ditentukan, tindakan susulan akan diambil ke atas mereka.

PELAKSANAAN PROGRAM KEM BESTARI SOLAT

Sepertimana yang dijelaskan, program Kem Bestari Solat merupakan aktiviti kokurikulum yang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah di bawah pengawasan dan pemantauan Guru Besar. Guru Panitia Pendidikan Islam pula bertanggungjawab mengendali dan menyelaraskan program ini dengan dibantu oleh guru-guru j-QAF dan fasilitator yang dilantik. Program ini dilaksanakan empat kali dalam tempoh setahun dan mengambil masa dua hari. Pihak sekolah diberi pilihan sama ada melaksanakan program ini secara separuh hari atau bermalam dengan syarat semua aktiviti dilaksanakan dalam tempoh atau jumlah masa yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam model ini. Pelaksanaan program ini biasanya mendapat pembiayaan daripada sumbangan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG), sumbangan swasta, peruntukan kewangan seperti Perkapita Grant (PCG) dan Sumbangan Awam (SUWA).

OBJEKTIF KAJIAN

Oleh kerana program Kem Bestari Solat ini agak baru diperkenalkan, maka kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti minat murid terhadap program Kem Bestari Solat menurut persepsi guru j-QAF.
2. Pendekatan yang digunakan oleh guru-guru j-QAF dalam melaksanakan aktiviti Kem Bestari Solat.
3. Mengesan masalah dan kekangan yang dihadapi dalam pelaksanaan program Kem Bestari Solat.

METODOLOGI

1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif susulan. Kaedah ini digunakan bertujuan untuk mendapatkan data kuantitatif tentang persepsi guru j-QAF di sekolah-sekolah rendah di Selangor terhadap Model Kem Bestari Solat yang digunakan dalam program j-QAF.

2. Sampel Kajian

Untuk mendapatkan sampel guru bagi kajian ini, penyelidik menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Bagaimanapun, saiz sampel bagi guru ditentukan supaya bilangan yang ekonomikal boleh digunakan sebagai responden. Hague et al. (1993) mencadangkan sampel melebihi 30 dan kurang daripada 500 adalah bertepatan dalam kebanyakan penyelidikan.

Daripada 397 orang guru j-QAF yang dipilih untuk sampel kajian, sebanyak 309 (77.8%) orang telah memberi respon kepada soal selidik yang diedarkan dan didapati lengkap untuk diambil kira dalam analisis. Jumlah ini adalah melebihi saiz sampel yang diperlukan mengikut Jadual Kerchie dan Morgan (1970) dan formula Cochran (1973).

3. Instrumen Kajian

Bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan, penyelidik menggunakan soal selidik untuk meninjau persepsi guru j-QAF tentang keberkesanan program Kem Bestari Solat. Kesahan instrumen kajian dilakukan dengan melantik sebuah panel terdiri daripada dua orang pakar dari universiti tempatan untuk menilai dari segi nahu, format dan kejelasan maksud yang komprehensif tentang isi kandungan setiap item yang dibentuk. Untuk menentukan tahap kebolehpercayaan pula, kajian rintis telah dijalankan. Nilai pekali kebolehpercayaan instrumen didapati melebihi $\alpha.80$.

4. Data Analisis

Data yang diperoleh telah dianalisis dengan mengaplikasi kaedah statistik bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki dengan menggunakan program Statistical Package For The Social Science (SPSS).

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berkaitan dengan latar belakang responden, minat murid terhadap program Kem Bestari Solat, dan masalah serta kekangan yang dihadapi dalam pelaksanaan program ini.

Latar Belakang Guru J-QAF

Jadual 2 membincangkan latar belakang guru j-QAF yang terlibat dalam kajian ini. Dari segi jantina, sebanyak 82 orang (26.5%) adalah guru lelaki dan selebihnya adalah guru perempuan (273.5%). Manakala dari segi umur guru j-QAF, julat umur mereka adalah di antara 23-37 tahun. Secara keseluruhan, didapati majoriti guru j-QAF berumur di antara 26 hingga 30 tahun (61.2%). Ini diikuti dengan mereka yang berumur kurang daripada 25 tahun (19.1%) dan mereka yang berumur antara 31 hingga 35 tahun adalah seramai 59 orang (19.1%). Manakala hanya dua (0.6%) orang guru j-QAF yang melebihi 36 tahun.

Dari sudut taraf jawatan, guru-guru j-QAF yang bertaraf tetap adalah sebanyak 158 orang (51.1%) dan yang bertaraf dalam latihan adalah sebanyak 151 orang (48.8%). Ini bermakna lebih daripada separuh guru j-QAF yang memiliki kelulusan ikhtisas Diploma Pendidikan, iaitu sebanyak 51.1%. Berkaitan dengan tahap pendidikan tertinggi akademik, didapati kesemua guru-guru j-QAF memiliki Ijazah Sarjana Muda.

Dari segi pengalaman mengajar j-QAF pula, sebanyak 148 (47.9%) orang guru memiliki pengalaman mengajar selama setahun. Ini diikuti dengan mereka yang berpengalaman mengajar lebih daripada tiga tahun, iaitu sebanyak 83 orang (26.9%) dan berpengalaman di antara 2 hingga 3 tahun sebanyak 78 orang (25.2%).

Guru j-QAF dalam kajian ini terdiri daripada mereka yang memiliki kelulusan akademik sama ada dari dalam atau luar negara. Majoriti daripada mereka adalah lulusan dalam negara (74.5%). Selebihnya adalah lulusan luar negara (25.5%) seperti dari Universiti al-Azhar, Universiti Jordan dan universiti di Indonesia. Semasa mengikuti pengajian di Institut Pengajian Tinggi, majoriti pengkhususan guru j-QAF ialah Pengajian Islam (79.9%), diikuti dengan pengkhususan dalam Bahasa Arab (17.8%), dan Pendidikan Islam seramai tujuh orang (2.3%).

Jadual 2: Latar Belakang Guru j-QAF

Perkara		f	%
Jantina	Lelaki	82	26.5
	Perempuan	227	73.5
Umur	<25 tahun	59	19.1
	26-30 tahun	189	61.2
	31-35 tahun	59	19.1
	> 36 tahun	2	0.6
Jawatan	Tetap	158	51.1
	Latihan	151	48.9
Pengalaman Mengajar j-QAF	1 tahun	148	47.9
	2 tahun	78	25.2
	3 tahun	83	26.9
Tahap Pendidikan Tertinggi (Akademik)	SPM	0	0
	STPM	0	0
	Ijazah Sarjana Muda	309	100.0
	Ijazah Sarjana	0	0
Universiti	Luar Negara	79	25.5
	Tempatan	230	74.5
Pengkhususan	Pengajian Islam	247	79.9
	Pendidikan Islam	7	2.3
	Bahasa Arab	55	17.8

Keberkesanan Pelaksanaan Model Kem Bestari Solat Menurut Persepsi Guru j-QAF

Bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan keberkesanan pelaksanaan Kem Bestari Solat dalam program j-QAF, maka guru-guru j-QAF diminta memberikan pandangan mereka tentang beberapa aspek yang berkaitan dengan model tersebut.

1. Minat Murid terhadap Program Kem Bestari Solat

Guru j-QAF telah diminta untuk memberi pandangan mereka tentang minat murid terhadap program Kem Bestari Solat. Dapatan menunjukkan bahawa secara keseluruhan, majoriti (93.8%) daripada guru-guru j-QAF berpandangan bahawa murid minat atau suka mengikuti Kem Bestari Solat. Mereka (85.4%) turut menyatakan bahawa murid bersungguh-sungguh ketika mengikuti program ini. Murid juga dikatakan suka bertanya tentang perkara yang kurang jelas berkaitan cara menunaikan solat dengan sempurna (80.0%).

Guru-guru juga turut ditanya tentang minat murid untuk menunaikan solat di sekolah. Berdasarkan jawapan mereka, sebanyak 258 (83.5%) orang guru j-QAF menyatakan bahawa murid mereka tidak atau kurang berminat menunaikan solat di sekolah. Oleh itu, pengenalan program Kem Bestari Solat dapat dijadikan penyelesaian kepada kurangnya minat murid bersolat di sekolah. Menerusi program ini juga, 75.4% orang guru menyatakan bahawa mereka dapat mendisiplinkan murid untuk mengamalkan aktiviti solat. Dapatan kajian secara terperinci tentang hal ini ditunjuk dalam Jadual 3.

Selain meninjau persepsi guru j-QAF tentang minat murid terhadap program Kem Bestari Solat, kajian ini juga meminta mereka memberi pandangan tentang pendekatan dalam pengajaran solat. Kebanyakan guru j-QAF (97.7%) menyatakan bahawa mereka akan memerhatikan perlakuan setiap orang murid dalam amali solat. Mereka (96.5%) juga amat bersetuju atau setuju bahawa penggunaan bahan bantu mengajar dapat

menarik minat murid terhadap aktiviti solat. Di samping itu, sebanyak 281 (90.0%) orang guru j-QAF menyatakan bahawa mereka memperuntukkan waktu untuk menanam perasaan cintakan solat di dalam diri murid ketika aktiviti solat.

Jadual 3: Minat Murid terhadap Model Kem Bestari Solat menurut Persepsi Guru j-QAF

Pernyataan	Tidak Setuju		Kurang Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Amat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Murid saya sangat suka mengikuti program Kem Bestari Solat	0	0	9	2.9	10	3.2	199	64.4	91	29.4
Saya mudah mendisiplinkan murid ketika aktiviti solat	1	3	54	17.5	21	6.8	190	61.5	43	13.9
Murid-murid saya bersungguh-sungguh menunaikan solat	0	0	19	6.1	26	8.4	207	67.0	57	18.4
Murid-murid suka bertanya saya cara-cara menunaikan solat dengan sempurna	3	1.0	30	9.7	29	9.4	202	65.4	45	14.6
Murid-murid saya tidak berminat menunaikan solat di sekolah	6	1.9	12	3.9	33	10.7	156	50.5	102	33.0

Berdasarkan Jadual 4, majoriti guru (86.1%) berpendapat bahawa di samping memberi motivasi, konsep dendaan juga penting untuk menggalakkan murid bersolat. Manakala aspek utama yang ditekankan oleh guru dalam aktiviti solat ialah aspek pengetahuan (78.3%). Bagaimanapun, mereka tidak atau kurang bersetuju bahawa mereka menekankan pencapaian akademik murid berbanding aspek penghayatan murid dalam aktiviti solat.

Jadual 4: Pendekatan dalam Pengajaran Solat

Pernyataan	Tidak Setuju		Kurang Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Amat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Saya lebih mengutamakan pencapaian akademik murid berkaitan solat berbanding penghayatan mereka dalam aktiviti solat	104	33.7	138	44.7	16	5.2	47	15.2	4	1.3
Aspek utama yang saya tekankan dalam aktiviti solat ialah aspek pengetahuan	8	2.6	49	15.9	10	3.2	194	62.8	48	15.5
Saya akan memerhatikan perlakuan setiap murid dalam amalan solat mereka	1	0.3	2	0.6	4	1.3	150	48.5	152	49.2
Penggunaan BBM dapat menarik minat murid terhadap aktiviti solat	0	0	8	2.6	3	1.0	143	46.3	155	50.2
Saya percaya di samping motivasi, konsep dendaan juga penting untuk menggalakkan murid bersolat	3	1.0	27	8.7	13	4.2	162	52.4	104	33.7
Saya memperuntukkan waktu untuk menanam perasaan cintakan solat dalam diri murid ketika aktiviti solat	0	0	5	1.6	23	7.4	178	57.6	103	33.3

2. Masalah dan Kekangan dalam Pelaksanaan Kem Bestari Solat

Jadual 5 membincangkan dapatan kajian berkaitan masalah dan kekangan dalam pelaksanaan Kem Bestari Solat. Secara keseluruhan, didapati program ini dapat berjalan dengan baik. Majoriti (88.3%) guru j-QAF bersetuju dengan hal ini di mana mereka menyatakan bahawa jadual program yang disusun adalah sesuai (85.7%), tempat

dijalankan program adalah sesuai (85.2%), bilangan murid yang terlibat dan tempoh masa Kem Bestari Solat adalah sesuai dan mencukupi (masing-masing 73.1% dan 71.2%). Dengan perkataan lain, tidak ada masalah atau kekangan besar yang dihadapi dalam menjalankan program ini. Para guru juga berpuas hati dengan sokongan daripada pihak sekolah dari segi kerjasama yang diberikan (89.9%) dan penyediaan kemudahan yang diperlukan (89.3%) dalam menjalankan program Kem Bestari Solat. Begitu juga, para guru menerima bantuan daripada rakan (75.1%) dan kerjasama daripada pihak ibu bapa (71.2%) dalam menjayakan program ini.

Namun, terdapat juga aspek yang bagi guru merupakan masalah dan kekangan dalam pelaksanaan program Kem Besatari Solat, iaitu dari segi bilangan fasilitator dan peruntukan kewangan yang disalurkan. Dapatan terperinci berkaitan dengan masalah dan kekangan dalam pelaksanaan program Kem Bestari Solat ini boleh dilihat dalam Jadual 5.

PERBINCANGAN

Berdasarkan pembentangan dapatan kajian, secara umum boleh dikatakan bahawa pelaksanaan program Kem Bestari Solat adalah berkesan dan berjaya. Malah, program ini boleh dijadikan penyelesaian bagi menarik minat murid-murid mengamalkan solat. Murid-murid didapati aktif dan melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan. Sebagaimana yang dijelaskan, kanak-kanak pada peringkat usia ini lebih seronok dan gembira serta bermotivasi untuk melaksanakan apa yang dipelajari secara amali. Lebih-lebih lagi, program ini diselitkan juga dengan aktiviti berbentuk permainan seperti pertandingan, kuiz dan riadah. Aktiviti seumpama ini merupakan aktiviti pengukuhan, pengayaan dan pemulihan (Mok Soon Sang 1996). Ahmad (2004) juga menegaskan bahawa aktiviti bermain sesuai untuk murid sekolah rendah kerana aktiviti bermain menjadikan pengajaran lebih menarik dan praktis. Kanak-kanak akan memperoleh pembelajaran yang paling berkesan sekiranya mereka mempelajari sesuatu dengan minat, tujuan dan faedah mereka. Bagi menjadikan pengajaran solat lebih menarik dan berkesan, maka penggunaan bahan bantu mengajar yang pelbagai perlu ditingkatkan.

Pendidikan Islam amat menekankan kepada aspek pengetahuan dan penghayatan. Para guru j-QAF yang dikaji memperlihatkan bahawa mereka menyedari hal ini di mana mereka mengakui lebih menekankan kepada aspek penghayatan dalam pengajaran solat dan bersedia memperuntukkan waktu untuk menanamkan dalam jiwa murid-murid rasa cinta untuk mengamalkan solat. Ini bersesuaian dengan pandangan Ghazali (2004) yang menyatakan bahawa kefahaman yang jelas mengapa kita solat dan apakah pengertian solat yang sebenar dalam kehidupan amat penting diberi penekanan kepada anak-anak. Sekiranya perkara ini tidak diberi penjelasan, maka solat itu akan bersifat ritual sahaja dan perlakuannya bersifat mekanistik.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa rata-rata guru j-QAF berpuas hati dengan kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh pihak tertentu. Namun, perlu diberikan perhatian kepada sistem dan persekitaran sekolah yang dikatakan kurang menyumbang kepada aktiviti amalan solat murid. Perhatian yang serius juga perlu diberikan kepada masalah kewangan yang dihadapi dan bilangan fasilitator yang dikatakan tidak mencukupi.

Jadual 5: Masalah dan Kekangan dalam Pelaksanaan Kem Bestari Solat

Pernyataan	Tidak Setuju		Kurang Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Amat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Ibu bapa sangat memberi kerjasama dalam menjayakan Kem Bestari Solat	6	1.9	53	17.2	30	9.7	167	54.0	53	17.2
Saya mudah mendapat bantuan daripada rakan untuk menjayakan Kem Bestari Solat	7	2.3	42	13.6	28	9.1	174	56.3	58	18.8
Pihak sekolah turut memberi segala kemudahan yang diperlukan untuk menjayakan Kem Bestari Solat	0	0	7	2.3	26	8.4	208	67.3	68	22.0
Saya berpendapat sebahagian besar murid yang bermasalah dalam solat adalah dari kalangan mereka yang tidak pandai membaca al-Quran	5	1.6	24	7.8	17	5.5	178	57.6	85	27.5
Ibu bapa menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab pendidikan solat kepada guru-guru di sekolah	12	3.9	92	29.8	61	19.7	108	35.0	36	11.7
Di sekolah saya tidak terdapat surau yang selesa untuk kemudahan murid bersolat	113	36.6	111	35.9	5	1.6	56	18.1	24	7.8
Tidak ada peraturan yang mewajibkan murid Muslim bersolat di sekolah	59	19.1	56	18.1	29	9.4	131	42.4	34	11.0
Keadaan persekitaran tidak mendorong murid-murid berminat menunaikan solat	44	14.2	95	30.7	41	13.3	107	34.6	22	7.1
Pihak sekolah memberi kerjasama kepada saya dalam menjayakan aktiviti solat	1	0.3	12	3.9	18	5.8	209	67.6	69	22.3
Secara umum pihak sekolah menganggap tanggungjawab pendidikan solat adalah tanggungjawab guru agama semata-mata	28	9.1	89	28.8	43	13.9	118	38.2	31	10.0
Bilangan murid yang terlibat dalam Kem Bestari Solat adalah sesuai	22	7.1	39	12.6	22	7.1	186	60.2	40	12.9
Bilangan fasilitator adalah mencukupi	38	12.3	82	26.5	21	6.8	141	45.6	27	8.7
Tempoh masa Kem Bestari Solat adalah sesuai dan mencukupi	19	6.1	48	15.5	22	7.1	181	58.6	39	12.6
Jadual program yang disusun adalah sesuai	8	2.6	21	6.8	15	4.9	221	71.5	44	14.2
Peruntukan kewangan mencukupi	28	9.1	63	20.4	28	9.1	156	50.5	34	11.0
Pelaksanaan program berjalan dengan lancar	3	1.0	23	7.4	10	3.2	217	70.2	56	18.1
Tempat dijalankan program adalah sesuai	6	1.9	24	7.8	16	5.2	193	62.5	70	22.7

CADANGAN

Berdasarkan perbincangan ini, lima cadangan dikemukakan bagi memastikan program ini berjalan dengan berkesan:

1. Program Kem Bestari Solat ini perlu diteruskan dan pemantauan serta penambahbaikan hendaklah sentiasa dilakukan agar program ini benar-benar diminati oleh murid lantas memberi kesan yang positif. Semua pihak yang terlibat hendaklah meneruskan usaha menjayakan program ini.
2. Sumber kewangan yang mencukupi hendaklah diberikan agar aktiviti-aktiviti menarik dapat dirancang dan dilaksanakan dan kemudahan yang mencukupi dapat disediakan. Begitu juga insentif berbentuk hadiah atau ganjaran boleh diberikan kepada murid-murid yang menunjukkan prestasi cemerlang semasa mengikuti Kem Bestari Solat.
3. Selain pemberian insentif, konsep dendaan juga perlu dipertimbangkan pelaksanaannya untuk menggalakkan murid-murid bersolat.
4. Bilangan fasilitator yang terlibat perlu diambil kira dari semasa ke semasa agar program ini dapat berjalan lancar dan berjaya. Para fasilitator perlu diberikan latihan dan kemahiran yang cukup dan wajar bagi melaksanakan aktiviti yang dirancang.
5. Yang paling utama, program Kem Bestari Solat tidak boleh dianggap sebagai pengganti kepada pengajaran amali solat secara formal di sekolah. Program ini merupakan pengukuhan kepada apa yang dipelajari di sekolah. Justeru, pihak sekolah juga perlu mempertingkatkan persekitaran sekolah yang kondusif yang boleh menggalakkan murid-murid melaksanakan solat dengan ikhlas dan selesa.

KESIMPULAN

Sudah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan program Kem Bestari Solat terus dilaksanakan dengan berkesan. Pelbagai langkah dan usaha perlu diambil bagi memantapkan lagi pelaksanaan program ini agar ia tidak menjadi beban kepada murid dan guru pendidikan Islam. Oleh itu, segala idea, cadangan dan inisiatif bertujuan mempertingkatkan amalan solat dalam kalangan murid hendaklah diberi perhatian dan mendapat sokongan padu baik dari segi material mahupun moral daripada pelbagai pihak. Usaha berterusan perlu dikekalkan agar pelaksanaan program j-QAF, khususnya Kem Bestari Solat menampakkan peningkatannya dan tidak dilabel sebagai hanya "melepaskan batuk di tangga".

RUJUKAN

- Ahmad Mohd. Salleh. (1997). Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Ahmad Mohd. Salleh. (2004). Pendidikan Islam: Falsafah, sejarah dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Al-Bukhary, Muhammad Ismail Abu Abdullah. (1987). Sahih al-Bukhary. Tahqiq Dr. Mustafa al-Bagha. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Ghazali. (1992). Ehya' Ulum al-Din. Cairo: Dar al-Hadis.

- Buku Panduan Kursus Pemantapan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR. 2007. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ghazali Basri. (2004). Gejala samseng di sekolah. Apa usaha kita?. *Jurnal Pendidikan Islam*. Jil. 10, Bil. 4, Februari 2004. Selangor: Kolej Darul al-Hikmah.
- Hague, P. & Harris, P. (1993). *Sampling and statistics*. London: Kogan Page Limited.
- Haron Din. (2002). *Manusia dan Islam*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM. (2004). Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- j-QAF. *Buku Panduan Perlaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum*. (2004). Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Keperihalasan Dasar dan Prinsip Kurikulum Semakan Tahun 2003. Pendidikan Islam dan Bahasa Arab KBSR/KBSM, JAPIM. KPM.
- Mohd. Abd. Halim Mohamed. (2000). Perbandingan akhlak Islamiyyah di kalangan murid aliran agama dan buka agama di luar bandar. Satu tinjauan di dua buah sekolah di daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan. Latihan Ilmiah Fakulti Pendidikan, UKM.
- Muhammad Munir Jimbaz. (1999). *Sifat-sifat orang yang berjaya dunia akhirat*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Omar al-Syaibani. (1991). *Falsafah pendidikan Islam*. (Terj.). Shah Alam: Hizbi.
- Rasid Muhammad, Zulkarnain Yusoff & Wan Fauzi Wan Mamat. (1999). Permasalahan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi. Satu kajian kes di Institut Teknologi MARA Cawangan Pahang. *Jurnal Perspektif Islam Tasawwur Islam*. Jil. 4. 98/99. Melaka: Jabatan Agama Islam Melaka.
- Sidek Mohd. Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Penerbit UPM.

